

# Kesepakatan ulama mesti diperkukuh

## Hukum syariah lebih dihormati jika pertelagahan pendapat secara ilmiah



B.H m/s 12  
3.1.07

PEGUAM SYARIE MENULIS


**T**AHUN 2006 baru saja meninggalkan kita dengan memahat pelbagai perkara menjadi sejarah dan ingatan pada masa akan datang. 2006 adalah tahun penuh cabaran dalam usaha menegakkan syiar Islam di bumi Malaysia kerana pelbagai isu timbul pada tahun lalu berkaitan dengan Islam, mahkamah syariah, penguatkuasaan jenayah syariah, murtad, perebutan jenazah dan sebagainya.

Beruntung bagi orang yang mengambil iktibar daripada pelbagai isu yang timbul. 2006 juga diakhiri dengan petanda kekuasaan Allah yang Maha Besar yang menguji kita dengan bencana banjir di beberapa negeri di Malaysia. Bencana ini bukan hanya fenomena alam semula jadi, tetapi sebagai umat Islam kita harus berfikir apakah iktibar hendak dinyatakan oleh Pencipta sekalian alam dengan kemusnahan banjir ini.

### INTI PATI

- Perubahan masa adalah bukti kekuasaan Allah yang mengandungi rahmatnya
- Setiap kejadian ada sebab dan akibatnya, bergantung kehendak Allah
- Janji Allah sekiranya ingin menurunkan bala disebabkan kemurkaan-Nya, bala itu akan diturunkan kepada sekalian umat tanpa mengira sama ada mereka beramal salih atau tidak. Sejarah kaum terdahulu dipupuskan oleh Allah menjadi bukti perencanaan-Nya
- Walaupun ada beberapa kejayaan membanggakan negara pada 2006, kita jangan lekas berpuas hati dan mendabik dada bangga dengan kejayaan itu
- 2007 menjanjikan cabaran dan harapan lebih besar untuk dihadapi
- Lumrah manusia pada awal ta-





**TRAGEDI 2006: Banjir besar berlaku di beberapa negeri adalah bencana yang perlu direnungi hikmahnya.**

Tentu kita tidak lupa janji Allah sekiranya Allah ingin menurunkan bala disebabkan kemurkaan-Nya yang dilakukan oleh hamba Allah, bala itu akan diturunkan kepada sekalian umat tanpa mengira sama ada mereka beramal salih atau tidak. Sejarah kaum terdahulu dipupuskan oleh Allah menjadi bukti perencanaan Allah itu.

Janji Allah pasti benar. Lihat kembali kepada diri kita, tindakan dan perbuatan kita. Adakah tindakan dan perbuatan kita selama ini mengundang kemurkaan Allah sehingga Allah menurunkan bala? Sama-samalah kita bermuhasabah diri dan berfikir mengenai kejadian alam ini. Sesungguhnya amat beruntung bagi orang yang berfikir.

Walaupun ada beberapa kejayaan membanggakan negara pada tahun tersebut, kita jangan lekas berpuas hati dan mendabik dada bangga dengan kejayaan itu.

Sikap cepat berpuas hati ini perlulah dikikis daripada sanubari umat Islam kerana sikap sebegini akan menjadi penghalang kepada kemajuan umat Islam.

Kini datang 2007. Ia menjanjikan cabaran dan harapan yang lebih besar lagi. Adalah lumrah bagi manusia pada awal tahun bertekad untuk membuat sesuatu perkara yang baik sebagai azam pada awal tahun, namun azam itu hanya tinggal azam tanpa disusuli dengan tindakan bagi mencapai azam berkenaan.

Kesepakatan umat Islam masih lagi belum mencapai ke tahap yang diharapkan. Islam pula sering dibicarakan oleh orang yang bukan ahlinya dan di kalangan ahli

- Lumrah manusia pada awal tahun bertekad untuk membuat sesuatu perkara yang baik sebagai azam pada awal tahun, namun azam itu hanya tinggal azam tanpa disusuli dengan tindakan bagi mencapai azam berkenaan
- Ijtihad perlu dalam menangani masalah ummah, bukan sengketa remeh-temeh

pula nampak macam tiada persetujuan di dalam beberapa perkara.

Islam memang tidak menghalang perbezaan pandangan kerana ia adalah inti pati kepada keadilan dan keindahan hukum Islam yang menjangkau batasan sempadan dan waktu.

Tetapi perbezaan pandangan ini perlu dibahaskan secara ilmiah antara ilmuwan Islam di kalangan mereka terlebih dahulu agar tidak menimbulkan kekeliruan di kalangan orang awam.

Kita tidak ketandusan ilmuwan Islam kerana mempunyai ramai individu mempunyai pengetahuan mendalam dalam bidang masing-masing.

Alangkah baiknya jika kita dapat menghimpunkan ilmuwan ini dengan pandangan mereka yang tersendiri dan berbincang serta mengambil jalan yang sesuai mengikut keadaan semasa berlandaskan hukum syarak.

Orang Islam dan bukan Islam akan terpinga-pinga apabila seseorang ulama ber-

kata suatu perkara dan ulama yang lain pula menentanginya.

Hal yang demikian tidak memberi sebarang kebaikan melainkan mengusutkan lagi keadaan yang sedia kusut itu. Laksanakanlah ijtihad secara berkumpulan atau ijtihad jamai kerana kita tidak mempunyai mujtahid sehebat mujtahid silam itu.

Apa pun yang kita lakukan parameter yang mesti kita ukur ialah sama ada sesuatu perkara itu bermanfaat kepada Islam atau tidak.

Mudah-mudahan tahun baru ini akan mencanangkan kegemilangan di dalam usaha kita menterjemah umat Islam sebagai umat yang cemerlang.

Kadangkala umat Islam sendiri yang gagal menjadi contoh teladan kepada orang lain. Tiada contoh boleh diambil daripada umat Islam yang boleh diikuti oleh orang lain dan mereka menyalahkan Islam kerana ini.

Apatah lagi untuk menjinakkan hati me-

reka kepada Islam. Kita boleh lihat dari aspek yang kecil seperti mencemar akhlak Islamiyah sehingga jenayah yang besar seperti menagih dadah, rogol, rasuah, membunuh dan sebagainya, ramai umat Islam terbabit.

Ia menjadi contoh yang tidak baik dan sekali gus mencemarkan imej Islam itu sendiri walaupun sebenarnya mereka tidak mengamalkan Islam sebenar. Keadaan seperti ini perlu dielakkan.

Sempena permulaan tahun yang baru ini marilah kita sama merapatkan jurang antara kita. Kita semua mempunyai matlamat yang sama iaitu ingin melihat kegemilangan Islam.

Permesyuaratan adalah penting bagi kita mencapai kesepakatan. Carilah persamaan antara kita dan hindarilah perbezaan yang boleh membawa kepada perpecahan umat Islam.

**Penulis ialah Presiden Peguam Muslim Malaysia, Zainul Rijal**